

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 1994/95**

**JUN 1995**

**RMK 251 - Pentadbiran Undang-Undang**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. (a) Bagaimakah Undang-Undang Malaysia digubal?  
(b) Bincangkan sejauh manakah aplikasi 'Common Law' Inggeris dikuatkuasakan di Malaysia.  
(c) Apakah Perlembagaan Persekutuan?  
( 100 markah )
  
2. Musa Pelancongan Bhd. telah membeli 8 buah bot laju dari Speedboat Motor Sdn. Bhd. Speedboat Motor Sdn. Bhd. telah menegaskan semasa perundingan, bahawa bot laju yang dibekalkannya boleh mengangkut 10 orang.

Sehari selepas pernyataan tersebut dibuat, kedua-dua syarikat tersebut telah menandatangani suatu perjanjian. Ternyata yang bot laju tersebut hanya muat untuk 5 orang sahaja.

Nasihati Musa Pelancongan Bhd.

( 100 markah )

3. Aishah menerima jemputan Ahmad untuk bersiar-siar di sekitar kampus USM dengan menunggang motosikal Ahmad. Semasa menunggang motosikal kedua-duanya tidak memakai topi keledar. Tiba-tiba di satu selekoh yang tajam, Aishah dan Ahmad terjunam ke dalam belukar oleh kerana Ahmad cuba mengelak dari melanggar seekor biawak. Akibatnya Aishah mengalami kecederaan yang teruk di bahagian kepalanya dan daya bekerja Aishah berkurangan 40%.

Kassim seorang Pegawai Keselamatan USM telah menolong menghantar Aishah ke Hospital Besar Pulau Pinang dengan menggunakan ambulan klinik USM. Dalam perjalanan, ambulan tersebut pula terlibat dalam kemalangan dengan sebuah lori tangki minyak. Aishah mengalami kecederaan tuiang belakang pula sehingga dia kehilangan kebolehan bekerja 100%. Kecederaan ini tidak bersangkut paut dengan kecederaan sebelumnya.

Aishah hendak membuat tuntutan terhadap USM.

Nasihatkan Aishah.

( 100 markah )

4. Profesor Anuar telah membenarkan Profesor John menggunakan rumahnya semasa ia bercuti sabatikal di Jepun. Profesor John ialah Profesor Lawatan bagi Pusat Pengajian Biologi, USM.

Pada suatu hari, Profesor John telah keluar dari rumah Profesor Anuar tanpa mengunci pintu depan. Akibatnya rumah itu dimasuki pencuri dan barang-barang Profesor Anuar yang bernilai RM100,000.00 hilang.

Apabila diberitahu, Profesor Anuar pulang dari Jepun serta-merta dan meminta Profesor John membayar gantiruginya.

Beri nasihat kepada Profesor John.

( 100 markah )

5. (a) Jelaskan tentang ciri-ciri utama tort dan nyatakan perbezaan undang-undang tort dengan kesalahan yang bersabit dengan undang-undang jenayah dan kontrak.

(b) Buat catatan ringkas tentang terminologi undang-undang kontrak berikut:

- (i) balasan
- (ii) keupayaan
- (iii) salahnyata

( 100 markah )

ooooOoooo